



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SULTAN AHMAD PEKAN

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2020
DAERAH PEKAN**

**PRINSIP PERAKAUNAN
Kertas 2**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

| | | | |
|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------|--------------|-----------|
| <p><i>Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian :Bahagian A dan Bahagian B.</i></p> <p><i>Jawab semua soalan di Bahagian A dan dua soalan dalam Bahagian B.</i></p> <p><i>Tulis jawapan anda pada kertas Jurnal, Lejar Buku Tunai dan helaian tambahan yang dibekalkan.</i></p> <p><i>Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.</i></p> <p><i>Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.</i></p> <p><i>Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.</i></p> <p><i>Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baru.</i></p> <p><i>Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.</i></p> | Kegunaan Guru Pemeriksa | | |
| | | Markah Penuh | Diperoleh |
| | <u>Bahagian A</u> | | |
| | 1 | 10 | |
| | 2 | 25 | |
| | 3 | 25 | |
| | <u>Bahagian B</u> | | |
| | 4 | 20 | |
| | 5 | 20 | |
| | 6 | 20 | |
| | Jumlah | | |

BAHAGIAN A
(60 Markah)
Jawab **SEMUA** soalan

- 1 (a) Nyatakan subbidang perakaunan yang berkaitan dengan situasi di bawah:
i) Menyediakan pelaporan maklumat perakaunan dalam bentuk penyata kewangan.
ii) Menyediakan maklumat perakaunan untuk pengguna dalaman.

(2 markah)

- (b) Nyatakan akaun yang perlu didebitkan dan dikreditkan bagi setiap urus niaga berikut:

- (i) Menjual barang niaga secara kredit kepada Raju
(ii) Membeli perabot secara tunai untuk kegunaan perniagaan

(2 markah)

- (c) Apakah kesan urus niaga berikut kepada persamaan perakaunan?

Beli barang niaga secara kredit RM560 daripada Din Enterprise

| Aset | Liabiliti | Ekuiti pemilik |
|------|-----------|----------------|
| | | |

(2 markah)

- (d) Maklumat berikut diperolehi daripada Gerai Keropok Makcik Kiah yang tidak menyimpan rekod perakaunannya dengan lengkap.

| | 1 Januari 2019 | 31 Disember 2019 |
|-----------|----------------|------------------|
| Aset | RM9 500 | RM16 700 |
| Liabiliti | 2 410 | 4 290 |

sepanjang tempoh perakaunan tersebut, Makcik Kiah telah:

- i. Mengambil inventori bernilai RM 500 untuk kegunaan anaknya.
ii. Membawa masuk modal tambahan sebanyak RM3 500

Hitung Untung atau Rugi bersih Gerai Makcik Kiah bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

(2 markah)

- (e) Kelab Memasak Ria memberikan maklumat berikut:

| | |
|------------------------------------------------|-----------|
| Bilangan ahli | 150 orang |
| Yuran tahunan ahli | RM50 |
| Yuran Belum Terima pada akhir tahun perakaunan | RM250 |

Hitung jumlah yuran yang diterima untuk tahun tersebut?

(2 markah)

- 2 Wardah dan Wafiy ialah pekongsi-pekongsi dalam perniagaan WaW Trading sebuah perniagaan produk kecantikan.

Berikut ialah Ikatan perkongsian mereka:

- (a) Nisbah kongsi untung rugi ialah 2:1
- (b) Faedah atas modal tetap ialah 8% setahun
- (c) Faedah atas ambilan ialah 6% setahun
- (d) Gaji tahunan bagi pekongsi-pekongsi:
Wardah: RM50 000
Wafiy RM60 000

Imbangan Duga pada 30 Jun 2020

| | Debit RM | Kredit RM |
|------------------------------|-------------|--------------|
| Modal 1 Julai 2019 | | |
| Wardah | | 100 000 |
| Wafiy | | 80 000 |
| Akaun Semasa 1 Julai 2019: | | |
| Wardah | | 4 000 |
| Wafiy | 6 000 | |
| Ambilan: | | |
| Wardah (pada 1 Oktober 2019) | 6 000 | |
| Wafiy (pada 1 Januari 2020) | 9 000 | |
| Belian dan Jualan | 142 900 | 330 000 |
| Bank | 45 000 | |
| Akaun belum terima | 115 000 | |
| Akaun belum bayar | | 118 400 |
| Upah | 5 000 | |
| Gaji pekerja | 90 000 | |
| Gaji Wardah | 25 000 | |
| Gaji Wafiy | 45 000 | |
| Kenderaan (Kos) | 100 000 | |
| Sewa | 12 000 | |
| Komisen diterima | | 18 500 |
| Inventori Awal | 50 000 | |
| | 650 900 | 650 900 |

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 30 Jun 2020 dinilai pada harga kos RM67 900 dan RM76 000 pada harga pasaran
- (ii) Belanja sewa belum dibayar RM4 200.
- (iii) Komisen belum terperoleh RM3 500.
- (iv) Peruntukan hutang ragu adalah 5% atas Akaun belum terima.
- (v) Susut nilai kenderaan ialah 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020. (8 markah)
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2020. (5 markah)
- (c) Akaun Semasa pekongsi-pekongsi (5 markah)
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2020 (7 markah)

- 3 Kedai runcit D'Laris yang dimiliki oleh Encik Udden beroperasi di Taman Covid Makmur, Pekan. Semua rekod perakaunannya telah disediakan tanpa mengamalkan sistem catatan bergu. Maklumat berikut adalah baki-baki aset dan liabiliti Kedai Runcit D'Laris.

Baki-baki aset dan liabiliti adalah seperti berikut:

| | 1 Mei 2019 | 30 April 2020 |
|-------------------------------------------------------|-----------------------|--------------------------|
| | RM | RM |
| Tunai | 370 | 410 |
| Bank | 43,700 | 15,640 |
| Inventori | 6,600 | 7,700 |
| Akaun Belum Terima | 12,500 | 18,600 |
| Gaji prabayar | 260 | - |
| Lengkapan | 9,800 | 8,200 |
| Akaun Belum Bayar | 8,650 | 6,950 |
| Gaji belum bayar | - | 580 |
| Pinjaman, 6% (1 Mei 2019 dan matang 30 April 2024) | 50,000 | 40,000 |

Penerimaan dan pembayaran perniagaan sepanjang tahun:

| | Tunai RM | Bank RM |
|----------------------------|---------------------|--------------------|
| ii. Penerimaan; | | |
| Kutipan daripada pelanggan | - | 114,400 |
| Jualan Tunai | 9,790 | - |
| Tunai di Bank | - | 7,500 |
| iii. Pembayaran; | | |
| Bayaran kepada pembekal | - | 88,810 |
| Belian | ? | - |
| Gaji | 500 | 10,500 |
| Ambilan | 120 | 1,400 |
| Tunai di bank | 7,500 | - |
| Pinjaman | - | 10,000 |
| Faedah atas pinjaman | - | 2,250 |
| Lori (1 Januari 2020) | - | 37,000 |

Maklumat tambahan;

- Lori disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus. Lori boleh digunakan untuk tempoh 6 tahun dan mempunyai nilai skrap bernilai RM1 000.
- Perniagaan mewujudkan peruntukan hutang ragu 3% atas Akaun Belum Terima bersih.

Anda dikehendaki menyediakan;

- Akaun Kawalan Belum Terima dan Akaun Kawalan Belum Bayar (4 markah)
- Akaun Tunai (2 markah)
- Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2020 (10 markah)
- Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2020. (9 markah)

- 4(a) Encik Roslan pemilik Roslan Enterprise pengeluar biskut tradisional. Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2019.

| | |
|-----------------------------------|---------|
| Inventori 1 Januari 2019 | RM |
| Bahan langsung | 9,610 |
| Alat-alat kecil | 300 |
| Alat tulis | 96 |
| Kerja dalam proses 1 Januari 2019 | 12,500 |
| Belian bahan Langsung | 38,600 |
| Pulangan belian bahan langsung | 2,000 |
| Angkutan masuk | 300 |
| Buruh langsung | 15,000 |
| Royalti | 3,000 |
| Gaji penyelia kilang | 10,800 |
| Kadar bayaran | 2,380 |
| Belian alat-alat kecil | 700 |
| Belian alat tulis | 120 |
| Angkutan keluar | 280 |
| Diskaun diberi | 500 |
| Komisen jualan | 1,050 |
| Iklan | 500 |
| Bank | 38,000 |
| Modal | 36,456 |
| Mesin (kos) | 35,000 |
| Jualan | 126,780 |
| Susut nilai terkumpul Mesin | 3,500 |

Maklumat tambahan :

- (i) Inventori 31 Disember 2019
- | | |
|-----------------|--------|
| Bahan langsung | 10,650 |
| Alat alat kecil | 340 |
| Alat tulis | 46 |
- (ii) Kerja dalam proses 31 Disember 2019 9,980
- (iii) Mesin disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (iv) Kadar bayaran belum bayar RM 420
- (v) Agihan peratus perbelanjaan bagi kilang dan pejabat adalah seperti berikut :

| | Kilang | Pejabat |
|---------------|--------|---------|
| Kadar bayaran | 90 | 10 |
| Alat tulis | 30 | 70 |

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Kos Pengeluaran bagi Tahun Berakhir
31 Disember 2019

(13 markah)

4(b) Pn Alia telah menyimpan Buku Tunai Runcit mengikut Sistem Panjar. Nilai Panjar berjumlah RM200. Pada 1 Jun 2020 baki tunai runcitnya ialah RM28.

Urus niaga bagi bulan Jun 2020 adalah seperti berikut:

| 2020 | RM |
|-----------------------------------------|-----|
| Jun 1 Bayaran balik oleh ketua juruwang | ? |
| 5 Beli katrij pencetak | 62 |
| 8 Beli penyegar udara | 45 |
| 12 Belanja pembersihan | 50 |
| 24 Beli fail dan kertas pencetak | 24 |
| 30 Gaji kerani | 900 |

Anda dikehendaki melengkapkan Buku Tunai Runcit (di lampiran A) bagi bulan Jun
Tunjukkan bayaran balik pada 1 Julai 2020 (7 Markah)

5(a) Jadual berikut menunjukkan anggaran jumlah kos dan jumlah hasil Kilang perabot Perkasa pada pelbagai peringkat keluaran

| Paras keluaran | Jumlah kos (RM) | Jumlah jualan (RM) |
|----------------|-----------------|--------------------|
| 0 | 128 000 | 0 |
| 1 000 | 208 000 | 120 000 |
| 2 000 | 288 000 | 240 000 |
| 3 000 | 368 000 | 360 000 |

kos tetap diandaikan malar.

Anda dikehendaki menghitung:

- a) Kos berubah seunit (1 markah)
- b) Harga jualan seunit (1 markah)
- c) Titik pulang modal dalam unit (2 markah)
- d) Jumlah unit yang perlu dijual untuk untuk mendapatkan keuntungan sebanyak RM30 000 (2 markah)
- e) Kirakan titik pulang modal yang baru sekiranya kos tetap meningkat kepada RM150 000. (2 markah)

5(b) Puan Murni ialah pemilik Perniagaan Elektrik Murni yang membekalkan alat-alat elektrik di Johor Bahru. Berikut ialah baki-baki yang diambil daripada buku perniagaannya pada 1 Jun 2020:

| | |
|----------------|-----------|
| | RM |
| Tunai ditangan | 900 |
| Overdraf bank | 2 500 |
| Inventori | 25 400 |
| Kenderaan | 22 500 |
| Perabot | 13 600 |
| Modal | 59 900 |

Sepanjang bulan Jun 2020, urusan niaga Elektrik Murni ditunjukkan seperti di bawah :

| Asal | | | | No 1001 |
|------------------------------------------------------------------------|----------|--------------|-------------|--------------------------------|
| INVOIS PAMASONIC SDN BHD Johor Bahru, Johor | | | | |
| | | | | Tarikh : 3 Jun 2020 |
| Kepada : Perniagaan Elektrik Murni | | | | |
| Butir | Kuantiti | Harga seunit | Jumlah (RM) | |
| Telivisyen | 15 | | 4 250 | |
| Diskaun niaga 20% | | | 4 250 | |
| | | | 850 | |
| Jumlah | | | 3 400 | |
| (Ringgit : Tiga ribu empat ratus sahaja) | | | | |
| Syarat : 5% 7 hari, K & K di K | | | | |
| | | | | <i>pama</i> Pengurus |

DOKUMEN 1

Asal

No 1001

NOTA KREDIT
PAMASONIC SDN BHD

Tarikh : 6 Jun 2020

Kepada :
Perniagaan Elektrik Murni

| Butir | Kuantiti | Harga seunit | Jumlah (RM) |
|-------------------|----------|--------------|-------------|
| Telivisyen | | | 230 |
| Diskaun niaga 20% | | | 46 |
| Jumlah | | | 184 |

(Ringgit : Seratus lapan puluh empat sahaja)

pama
Pengurus

Dokumen 2

Salinan

No 2010

INVOIS
PERNIAGAAN ELEKTRIK Murni
Johor Bahru, Johor

Tarikh : 9 Jun 2020

Kepada :
Perniagaan Gaffar

| Butir | Kuantiti | Harga seunit | Jumlah (RM) |
|-------------------|----------|--------------|-------------|
| Telivisyen | 10 | | 4 000 |
| Diskaun niaga 10% | | | 400 |
| Jumlah | | | 3 600 |

(Ringgit : Tiga ribu enam ratus sahaja)

Syarat : 5% 7 hari,
Serahan : Angkutan dibayar
K & K di K

murni
Pengurus

Dokumen 3

M018

MEMO
PERNIAGAAN ELEKTRIK MURNI
Johor Bahru, Johor

Tarikh : 12 Jun 2020

Kerani akaun,
Ambilan tunai RM180 untuk membayar yuran
kelas komputer anak

murni
Pengurus

Dokumen 4

Salinan

No 202

**NOTA DEBIT
PERNIAGAAN ELEKTRIK MURNI**

Tarikh : 15 Jun 2020

Kepada :
Perniagaan Gaffar

| Butir | Jumlah (RM) |
|------------------------------|----------------|
| Invois no 2010 terkurang caj | 100 |
| | 100 |
| Diskaun niaga 10% | 10 |
| Jumlah | 90 |

(Ringgit : Sembilan puluh sahaja)

murni

Pengurus

Dokumen 5

Tarikh : 22 Jun 2020
Penerima : Pamasonic Sdn Bhd
Kerana : Menjelaskan sebahagian invois
No 1001

| | Ringgit | Sen |
|------------|---------|-----|
| Baki akhir | (2 500) | 00 |
| Dimasukkan | - | |
| Jumlah | (2 500) | 00 |
| Cek ini | 1 800 | 00 |
| Baki | (4 300) | 00 |

No. : 043322

DOKUMEN 6

Asal

No 1235

**INVOIS
SYARIKAT ABBY**

Tarikh : 23 Jun 2020

Kepada :
Perniagaan Elektrik Murni

| Butir | Kuantiti | Harga seunit | Jumlah (RM) |
|-------------|----------|--------------|-------------|
| Rak pameran | 4 | 85 | 340 |
| Jumlah | | | 340 |

(Ringgit : Tiga ratus empat puluh sahaja)

Syarat : 5% 10 hari,
Angkutan dibayar
K & K di K

abby
Pengurus

DOKUMEN 7

Anda dikehendaki menyediakan :

- a) Jurnal am (tanpa keterangan) (3 markah)
- b) Jurnal Belian (2 markah)
- c) Jurnal Jualan (3 markah)
- d) Jurnal pulangan (2 markah)
- e) Buku tunai (2 markah)

6(a). Buku Tunai Kedai Aminah menunjukkan baki debit sebanyak RM221 pada 31 Oktober 2019. Baki ini berbeza dengan baki yang ditunjukkan dalam penyata bank pada tarikh yang sama. Setelah meneliti Buku Tunai dan Penyata Bank tersebut, didapati perbezaan disebabkan oleh :

- i. Sekeping cek berjumlah RM526 yang telah dikeluarkan, belum dikemukakan untuk pembayarar
- ii. Kedai Aminah membayar upah dengan cek bernilai RM270 tetapi direkodkan dalam Buku Tunai sebagai RM207
- iii. Beberapa keping cek berjumlah RM567 diterima daripada pelanggan telah dicatatkan dalam buku tunai tetapi belum lagi dikreditkan dalam Penyata Bank.
- iv. Sekeping cek telah diterima daripada pelanggannya untuk menyelesaikan hutang yang berjumlah RM700 dan memberinya 5% diskaun tunai. Cek itu tidak dilayan oleh bank.
- v. Berikut adalah perkara yang terdapat dalam Penyata bank tetapi tiada dalam buku Tunai Kedai Aminah :

| | |
|-----------------------|-------|
| Bayaran perkhidmatan | RM50 |
| Dividen | RM200 |
| Faedah Simpanan Tetap | RM500 |

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Oktober 2019 tanpa kemas kini Buku Tunai .

(12 markah)

6(b) Berikut adalah maklumat yang diperoleh berkaitan dengan syer Mangga Madu Berhad pada 1 Januari 2019.

| |
|-----------------------------|
| Modal berdaftar |
| 1 500 000 8% Syer Keutamaan |
| 4 000 000 Syer Biasa |

Syarikat telah menerbitkan 75% syer keutamaan pada nilai RM2,50 sesyer dan 50% syer biasa pada nilai RM1.50 sesyer. Semua syer yang diterbit telah dilanggan dan dibayar penuh oleh pemohon.

Pada 1 Jun 2019, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan pembayaran dividen atas syer keutamaan dan 3 sen bagi setiap unit syer biasa.

Pada akhir tempoh perakaunan 31 Disember 2019, syarikat telah mengisytiharkan pembayaran dividen kepada pemegang syer keutamaan dan 5% kepada pemegang syer biasa

Anda dikehendaki menghitung:

- (i) Modal diterbitkan dan berbayar penuh (2 markah)
- (ii) Jumlah Dividen interim (2 markah)
- (iii) Jumlah Dividen akhir (2 markah)
- (iv) Menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan (Bahagian Ekuiti Pemilik sahaja) (2 markah)